



12 AUG, 2026

NEEAP 2.0 sasar jimat tenaga RM85.24 bilion



Kosmo, Malaysia

NEEAP 2.0 sasar jimat tenaga RM85.24 bilion

KUALA LUMPUR – Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara (NEEAP 2.0) menyasarkan penjimatan tenaga bernilai RM85.24 bilion dan mengurangkan pelepasan sebanyak 26,108 kiloton setara karbon dioksida menjelang tahun 2035.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, fasa kedua NEEAP berpandukan dan diselaraskan dengan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga (EECA) yang diluluskan Parlimen pada 2024.

“Ia bukan sahaja memberi tumpuan kepada penggunaan elektrik, malah meningkatkan kecekapan tenaga dalam sektor industri, bangunan dan domestik menerusi sistem pengurusan tenaga, audit tenaga dan penambahbaikan sistem pemanasan.

“Bagi tempoh kira-kira 10 tahun ini, sasaran penjimatan yang kitajangkakan adalah sebanyak RM85.24 bilion.

“Ini antara langkah paling berkesan untuk memastikan penggunaan tenaga lebih cekap secara menyeluruh, dengan memberi tumpuan kepada tiga segmen utama iaitu industri, domestik dan komersial,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) Ke-7 2026 di sini, semalam.

NEEAP 2.0 memberi tumpuan kepada empat teras strategik iaitu pelaksanaan pelan kecekapan tenaga, peningkatan kemahiran tenaga



AKMAL NASRULLAH

kerja, mekanisme pembiayaan mampan serta penggalakan inisiatif dan pelaburan kecekapan tenaga oleh sektor swasta.

Ini merangkumi pengudaraan dan penyaman udara (ACMV), pematuhan Indeks Keamatan Tenaga Bangunan (BEI) serta pengukuhan Piawaian Prestasi Tenaga Minimum (MEPS) bagi peralatan elektrik dan perkakas rumah.

Akmal menjelaskan, pelaksanaan NEEAP terdahulu telah berjaya menjimatkan penggunaan elektrik sebanyak 60,886 gigawatt-jam (GWh) dalam tempoh 10 tahun, melebihi sasaran 52,233 GWh.

“Pencapaian ini bersamaan dengan pengurangan kira-kira 35.6 juta tan setara karbon dioksida serta penjimatan sekitar RM16.1 bilion,” katanya.